



***INTERAKSI SPONTAN DAN TERANCANG DALAM KALANGAN REMAJA
DARI SUDUT ETNOGRAFI KOMUNIKASI***

AHMAD AFINDIY BIN ZAINI

FBMK 2019 20



**INTERAKSI SPONTAN DAN TERANCANG DALAM KALANGAN REMAJA
DARI SUDUT ETNOGRAFI KOMUNIKASI**

**Oleh
AHMAD AFINDIY BIN ZAINI**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan
untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Julai 2018

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni adalah hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

Buat bondaku,
Kasih dan sayangmu menjadikan,
Anakmu ini sebagai seorang yang berguna,
Sokonganmu memberikanku semangat dan keyakinan,
Untuk mencapai apa yang diimpikan,
Engkaulah insan yang istimewa dalam kehidupanku ini.

Buat ayahandaku,
Keringatmu telah memberikanku satu semangat,
Untuk meneruskan cita-citaku,
Seribu pengharapan agar aku dapat membalas setiap jasmu.

Buat Ratu Syurgaku,
Kehadiranmu dalam hidup,
Laksana sendi kukuh yang menyokongku ketika aku rebah,
Setiap pengorbananmu mendidikku erti kegigihan dan ketabahan,
Menempuh segala rintangan dan cabaran.

Buat adinda-adindaku,
Aku menghargai setiap sokongan dan dorangan daripada kalian,
Semoga ikatan kasih sayang kita ini,
Akan kekal dalam suasana yang paling damai.

Buat teman seperjuangan,
Aku tidak mungkin dapat melupakan,
Segala susah senang kita menempuh rintangan di sini,
Segala senda gurau kalian,
Akan terus tersemat di lubuk hati yang paling dalam.

Buat anak-anak didikku,
Aku tinggalkan jejak ini,
Sebagai perangsang dan pembakar semangat,
Agar kalian memahami manisnya mengejar ilmu.

Buat Universiti Putra Malaysia,
Engkau terakam indah dalam memori hidupku,
Bersyukur aku kerana mengenalmu.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

INTERAKSI SPONTAN DAN TERANCANG DALAM KALANGAN REMAJA DARI SUDUT ETNOGRAFI KOMUNIKASI

Oleh

AHMAD AFINDIY BIN ZAINI

Julai 2018

Pengerusi : Zaitul Azma binti Zainon Hamzah, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Interaksi ialah proses pertukaran makna yang melibatkan penutur dan pendengar. Tujuan utama interaksi adalah untuk melaksanakan satu peristiwa, iaitu komunikasi. Oleh itu, kemahiran interaksi ialah kemahiran berbahasa yang bertujuan untuk menyalurkan maklumat untuk mewujudkan komunikasi. Dalam kajian ini, pengkaji memberi tumpuan terhadap interaksi spontan dan terancang dalam perbualan remaja seperti bentuk-bentuk bahasa, kemampuan, pertimbangan komunikatif serta aspek kognitif.

Objektif kajian ini ialah mengenal pasti bentuk interaksi spontan dan terancang remaja yang terkandung dalam perbualan remaja berdasarkan Kerangka Etnografi Komunikasi Saville-Troike (2003), membandingkan interaksi spontan dan terancang dalam perbualan remaja dari sudut Kerangka Etnografi Komunikasi Saville-Troike (2003) dan merumuskan aspek yang menyerlahkan keterampilan berbahasa dalam perbualan remaja ketika berinteraksi secara spontan dan terancang.

Kajian lapangan yang menggunakan kaedah rakaman audio ini disertai oleh remaja di Maktab Rendah Sains MARA Baling, Kedah. Rakaman interaksi spontan dan terancang dalam perbualan remaja ditranskripsikan untuk dianalisis berdasarkan kerangka asas kajian, iaitu Kerangka Etnografi Komunikasi (Saville-Troike, 2003). Kerangka Etnografi Komunikasi Saville-Troike (2003) menjelaskan bahawa setiap interaksi perlu memenuhi kehendak komponen seperti genre, topik, tujuan, latar, ragam, peserta interaksi, bentuk mesej, urutan lakuan, peraturan interaksi, dan norma-norma interaksi.

Akhirnya, pengkaji mendapati bahawa kerangka Kerangka Etnografi Komunikasi (Saville-Troike, 2003) dapat menggabungkan kemahiran linguistik dan sosiolinguistik untuk membina sistem keteraturan ketika berinteraksi sama ada secara spontan mahupun terancang.

Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia
in fulfillment of the requirement for the Doctor of Philosophy

**SPONTANEOUS AND PLANNED INTERACTIONS IN TEENAGERS
FROM ETHNOGRAPHY COMMUNICATION VIEWPOINT**

By

AHMAD AFINDIY BIN ZAINI

July 2018

Chairman : Zaitul Azma binti Zainon Hamzah, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

Interaction is an exchange of information between a speaker and a listener. The main purpose of the interaction is to accomplish an event, ie communication. Therefore, interaction skill is one of the skills that aims to channel information to create communication. In this study, researchers focus on spontaneous and planned interactions in teenagers' conversations such as language forms, abilities, communicative considerations and cognitive aspects.

The objective of this research is to identify the spontaneous and planned interactions in teenagers' conversations based on the Saville-Troike Communication Ethnography Framework (2003), comparing spontaneous and planned interactions in teenagers' conversations from Saville-Troike Communication Ethnography Framework (2003) perspective and explaining aspect that highlight language skills in teenagers' conversations when interacting spontaneously and planned.

Field studies using this audio recording method were participated by teenagers at MARA Baling Science College, Kedah. Spontaneous and planned interaction recording among teens is transcribed for analysis based on basic theoretical studies, the Communication Ethnography Framework (Saville-Troike, 2003). The Saville-Troike Communication Ethnography Framework (2003) explains that each interaction has to meet the needs of components such as genre, topic, purpose, background, manner, interaction participants, message form, behavioral sequences, interaction rules, and interaction norms.

Finally, the researcher found that the Communication Ethnography Framework (Saville-Troike, 2003) incorporated linguistic and sociolinguistic skills to build a systematic interaction when interacting whether spontaneously or planned.

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

Bersyukur saya ke hadrat ilahi dengan limpah dan kurnia-Nya saya dapat menyiapkan tesis master ini sebagai sebahagian daripada syarat untuk memperoleh Doktor Falsafah Bahasa Melayu. Di kesempatan ini, ucapan terima kasih saya tujukan khas buat ibu bapa, Puan Norhayati Cheah binti Abdullah dan Encik Zaini bin Ab. Samad, mentua Puan Siti Mahmudah binti Samingan dan Encik Mohd Nasruddin bin Abdul Rashid yang banyak memberikan sokongan dalam menyiapkan tesis ini. Buat isteri saya yang dikasihi, Puan Nurul Farhana binti Mohd Nasruddin, terima kasih kerana sentiasa susah dan senang bersama-sama dan banyak berkorban masa, tenaga dan wang ringgit sepanjang saya menyiapkan tesis ini. Tidak dilupakan adik beradik saya Erniy Handayani, Rahmat Kasim, Muhammad Firdaus, Muhammad Hanif, Nur Syifa Naimah, Muhammad Afifi, Muhammad Zahid, Khayrolzain, Suhaila, Norazura dan Maryam Salimah. Buat anak-anak saudara saya, Muhamad Iyad Mubin, Maryam Amzara, Muhammad Izz Haris, Iris Delisya, Muhammad Fayyad Firas dan Muhammad Farhan Firas, semoga kejayaan bapa saudaramu hari ini menjadi perangsang untuk kalian belajar bersungguh-sungguh agar menjadi anak yang soleh dan berbakti kepada keluargamu.

Sekalung penghargaan juga saya tujukan khas buat Profesor Madya Dr. Zaitul Azma binti Zainon Hamzah selaku ketua penyelia serta Profesor Madya Dr. Che Ibrahim bin Haji Salleh dan Profesor Madya Dr. Norazlina binti Mohd Kiram yang banyak memberi tunjuk ajar, bimbingan, dan pandangan kepada saya dalam menyempurnakan penulisan tesis ini. Ucapan terima kasih juga saya tujukan khas kepada Wisata Minda, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Perpustakaan Sultan Abdul Samad UPM, rakan-rakan guru di Unit Bahasa Melayu dan Jabatan Bahasa MRSM Baling, Kedah, pihak Bahagian Pendidikan Menengah MARA terutamanya Puan Rosilawati binti Abdul Rahman dan Puan Rafidah binti Jaafar, Encik Abdul Hamid bin Haji Ahmad dan Encik Shahrizal bin Mohd Saderi, Encik Jafni bin Ghazali serta ramai lagi kerana memberikan banyak maklumat yang berguna untuk menyiapkan tesis ini.

Buat anak-anak didik terutamanya Adreeana Balqish, Khairunnisa, Aifa Insyirah, Nayli Nabihah, Muhammad Najmi, Ahmad Imran, Nur Diyana, Widani Marsya, Intan Afiqah, Madina Suraya, Wan Anis Afiqah, Muhammad Asyraf, Nayli Iwani dan Muhammad Faisal, kalian juga penyebab cikgu teruskan langkah ini. Semoga kejayaan cikgu ini memberikan inspirasi untuk kalian berjaya. Akhir kata, diharapkan tesis ini sedikit sebanyak memberikan manfaat kepada pembaca sekalian. Sesungguhnya, segala yang baik itu datangnya daripada Allah dan segala kekurangan itu datangnya daripada diri hamba-Nya yang lemah ini. Wassalam.

AHMAD AFINDIY BIN ZAINI
GS 29954
Doktor Falsafah Bahasa Melayu
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 27 Julai 2018 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Ahmad Afندی bin Zaini untuk menilai tesis beliau yang bertajuk “Interaksi Spontan dan Terancang dalam Kalangan Remaja dari Sudut Etnografi Komunikasi” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Pemeriksa adalah seperti yang berikut:

Mohd Zariat bin Abdul Rani, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Ahmad Mahmood bin Musanif, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Vijayaletchumy a/p Subramaniam, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Maslida binti Yusof, PhD

Profesor Madya
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
(Pemeriksa Luar)

RUSLI HAJI ABDULLAH, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh : 23 Julai 2019

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti yang berikut:

Zaitul Azma binti Zainon Hamzah, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Univerisiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Che Ibrahim bin Haji Salleh, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Univerisiti Putra Malaysia
(Ahli)

Norazlina binti Hj Mohd. Kiram, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Univerisiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh :

Perakuan pelajar Siswazah:

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan, dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) diperlukan sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan, atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran, atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/ fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbas dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Ahmad Afindiy Bin Zaini; GS29954

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi;

Tandatangan : _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan : Profesor Madya Dr. Zaitul Azma binti Zainon Hamzah

Tandatangan : _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : Profesor Madya Dr. Che Ibrahim bin Haji Salleh

Tandatangan : _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : Profesor Madya Dr. Norazlina binti Hj Mohd. Kiram

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI SINGKATAN	x
BAB	
1 PENDAHULUAN	
Latar Belakang Kajian	1
Pernyataan Masalah	2
Objektif Kajian	3
Kepentingan Kajian	3
Skop dan Batasan Kajian	7
Definisi Operasional	8
Kesimpulan	9
2 SOROTAN LITERATUR	
Pengenalan	10
Kajian Interaksi dari Perspektif Etnografi Komunikasi	10
Kajian Interaksi dari Perspektif Keterampilan Berbahasa	13
Kajian Interaksi dalam Kalangan Remaja	17
Kesimpulan	20
3 METODOLOGI KAJIAN	
Pengenalan	21
Reka Bentuk Kajian	21
Pendekatan Teori - Kerangka Etnografi Komunikasi Saville-Troike (2003)	21
Kaedah Kajian	33
Kajian Pustaka	33
Tempat Kajian	33
Subjek Kajian	33
Alat Kajian	34
Analisis Data	34
Kerangka Kajian	35
Tatacara Kajian	36
Kajian Rintis	36
Kesimpulan	38
4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN	
Pengenalan	39
Objektif 1: Mengenal pasti komponen-komponen interaksi dalam interaksi spontan dan terancang remaja berdasarkan Kerangka Etnografi Komunikasi Saville-Troike (2003)	39

Objektif 2: Membandingkan interaksi spontan dan terancang dalam perbualan remaja dari sudut Kerangka Etnografi Komunikasi Saville-Troike (2003)	64
Objektif 3: Merumuskan aspek yang menyerlahkan keterampilan berbahasa dalam perbualan remaja ketika berinteraksi secara spontan dan terancang	76
Rasional teori dengan dapatan kajian	89
Kesimpulan	90
5 RUMUSAN DAN CADANGAN	
Rumusan	90
Implikasi Dapatan Kajian	92
Cadangan Kajian Selanjutnya	92
Penutup	93
BIBLIOGRAFI	94
LAMPIRAN	100
BIODATA PELAJAR	184
PENERBITAN	185

SENARAI SINGKATAN

MARA	Majlis Amanah Rakyat
MRSM	Maktab Rendah Sains MARA
KAT1	Kemahiran Asas Tingkatan 1



BAB 1

PENDAHULUAN

Latar Belakang Kajian

Interaksi yang tercetus antara manusia merupakan aspek terpenting yang membentuk tamadun dunia. Evolusi interaksi antara manusia dengan manusia dan interaksi manusia dengan alam telah merubah dunia ini menjadi semakin berkembang. Interaksi merupakan aspek terpenting untuk saling tukar maklumat, pengetahuan, idea dan fikiran, sekaligus merangsang pertumbuhan pemikiran baru dan anjakan paradigma. Interaksi juga merupakan proses yang saling berkaitan yang melibatkan empat pembentuk asas, iaitu perutusan (risalah), penghantar, cara, dan penerima (Ta'imah Rusydi Ahmad, 2006).

Interaksi dan bahasa sering kali dipandang sebagai dua sisi daripada satu keping wang yang sama. Brumfit (1984) mengatakan bahawa bahasa tidak mungkin diperoleh apabila hasilnya dibatasi terdahulu. Apa yang akan diperoleh itu hanyalah perilaku kegemaran berbahasa sahaja. Bahasa merupakan medium interaksi, manakala interaksi ialah suatu proses yang melibatkan dua alat pemprosesan informal. Alat yang satu membentuk lingkungan fizikal bagi yang lain.

Oleh itu, interaksi merupakan proses pertukaran makna yang melibatkan penutur dan pendengar. Tujuan utama interaksi adalah untuk melaksanakan satu peristiwa, iaitu komunikasi. Oleh itu, kemahiran interaksi ialah kemahiran berbahasa yang bertujuan untuk menyalurkan maklumat untuk mewujudkan komunikasi. Bukan itu sahaja, interaksi sangat penting kerana tanpa kebolehan berbahasa yang baik dalam satu peristiwa bahasa, komunikasi tidak akan berlaku dan hasil komunikasi tidak dapat diperoleh dengan sepenuhnya.

Dalam hal ini, Saville-Troike (1991) mengatakan bahawa kecekapan interaksi bukan sahaja setakat mengetahui kod bahasa tetapi juga harus mengetahui apa-apa yang hendak dikatakan kepada siapa, dan bagaimana hendak mengujarkannya dengan sesuai dalam situasi-situasi tertentu.

Interaksi Remaja

Dalam konteks remaja, tujuan interaksi tidak hanya terhenti kepada penyampaian maklumat daripada seseorang kepada seseorang yang lain. Interaksi juga berperanan untuk penyebaran ilmu, pembentukan kebudayaan, penzahiran inspirasi, pengaruh ideologi dan serangan psikologi. Bentuk interaksi biasanya diasaskan kepada interaksi lisan, iaitu pertuturan, di samping bentuk lain seperti tulisan, paralinguistik, kod-kod elektronik dan bentuk-bentuk lain yang tergolong sebagai interaksi bukan verbal.

Tidak dapat dinafikan bahawa golongan remaja merupakan bakal pemimpin pada masa hadapan. Penghasilan sebuah negara yang sejahtera bergantung kepada persediaan remaja seperti kecemerlangan pendidikan dan pembentukan sahsiah. Oleh hal yang demikian, kemahiran berkomunikasi menjadi begitu penting sebagai wahana bagi menunjukkan keupayaan diri untuk bersaing dalam kehidupan.

Teo Kok Seong (2002) berpendapat bahawa komunikasi awam, iaitu bercakap secara formal di khalayak ramai, komunikasi kumpulan kecil, iaitu interaksi sosial bersahaja antara beberapa orang, komunikasi interpersonal, iaitu pertukaran pandangan dan perasaan antara dua orang, atau komunikasi antara budaya, iaitu antara mereka yang berasal dari kelompok etnik yang berlainan, bukan sahaja memerlukan keterampilan yang mementingkan kepetesan, iaitu petah dan lancar bercakap dari segi ketepatan tatabahasa dan kejelasan makna. Malah, hal ini memerlukan keterampilan yang memberi pertimbangan kepada pentingnya penggunaan bentuk bahasa yang sesuai ketika menegur sapa, pemahaman tentang bentuk dan penggunaan bahasa yang dilarang dalam wacana sopan, penguasaan mengenai tingkah laku bukan verbal dan pengetahuan tentang gaya perbualan yang sesuai dengan situasi sosial.

Hal ini turut dipersetujui oleh Zarina Ahmad (2009) yang mengatakan bahawa seseorang yang mempunyai kecekapan berkomunikasi yang baik dalam sesuatu bahasa ialah seseorang yang mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang sistem bahasa malah mampu menggunakan bahasa itu bagi tujuan komunikasi secara spontan, bersesuaian dengan peraturan-peraturan penggunaan yang diterima oleh masyarakat penutur bahasa itu. Oleh hal yang demikian, pengetahuan tentang nilai-nilai ketatasusilaan bahasa amatlah perlu kerana kalau seseorang itu menggunakan bahasa tanpa mengikut nilai-nilai tersebut, maka akan memungkinkan wujudnya keadaan yang tidak harmoni antara penutur dengan orang yang dilawan bertutur.

Mahzan Arshad (2008) pula mengatakan bahawa kecekapan dan keterampilan berinteraksi sangat penting untuk menjalinkan hubungan komunikasi antara semua ahli masyarakat, tidak terhad kepada situasi tertentu sahaja. Kelemahan dalam berinteraksi atau interaksi yang tidak berkesan menyebabkan kegagalan dalam menyampaikan mesej yang dimaksudkan oleh pengirim atau penutur kepada penerima mesej tersebut. Oleh hal yang demikian, tahap kemahiran berkomunikasi yang tinggi dan berkesan, khususnya dalam keterampilan bertutur amat penting bagi setiap individu dalam menghadapi cabaran globalisasi (Zarina Ahmad, 2009). Dalam hal ini, remaja perlu memiliki nilai tambah seperti kecekapan berbahasa perlu dipertingkatkan agar remaja dapat bersaing dalam memenuhi kehendak dunia tanpa sempadan yang semakin mencabar (Ghazali Lateh, 2007).

Pernyataan Masalah

Pernyataan masalah boleh dijana melalui pelbagai sumber. Di samping pengalaman peribadi, masalah yang berkaitan dengan aktiviti harian boleh dijadikan fokus kajian. Perkara yang paling mustahak ialah sumber kajian merupakan bahan literatur yang berkaitan dengan bidang kajian. Sumber literatur bertujuan untuk meningkatkan pemahaman tentang isu kajian. Rasionalnya, bukanlah mencari elemen baharu seperti

dalam kajian sains tetapi lebih kepada memperkukuh kesedaran tentang sesuatu isu (Osman Lebar, 2009). Penyelidikan memerlukan permasalahan yang memerlukan penyelidikan khusus sebagai usaha mencari jawapan sebenar (Sulaiman Masri, 2005).

Kajian ini dilakukan untuk menampung kajian-kajian terdahulu memandangkan kajian tentang interaksi spontan dan terancang dalam perbualan remaja belum dikaji secara khusus oleh pengkaji terdahulu. Kajian ini amat menarik untuk dikaji kerana menggunakan interaksi remaja sebagai data kajian. Tidak dapat dinafikan bahawa terdapatnya kajian yang menjadikan remaja sebagai sampel seperti kajian Zaitul Azma Zainon Hamzah et. al. (2011), Zaitul Azma Zainon Hamzah (2004), dan Ghazali Lateh (2007). Namun, kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji terdahulu lebih tertumpu kepada aspek kesantunan dan ketidaksantunan bahasa, pemikiran, bahasa, dan wawasan remaja terhadap persoalan-persoalan yang dikaitkan dengan dunia remaja. Dari perspektif jenis interaksi pula, kajian terdahulu menumpukan satu jenis interaksi, iaitu sama ada interaksi spontan atau interaksi terancang dalam satu kajian. Secara tidak langsung, kajian-kajian terdahulu memberi ruang untuk kajian interaksi spontan dan terancang dalam perbualan remaja ini dilaksanakan agar dapat membandingkan interaksi spontan dan terancang dalam perbualan remaja.

Begitu juga kajian dari perspektif etnografi komunikasi seperti kajian Md. Sabri Che Man (2004), Ahmad Mahmood Musanif (2009) dan Rohaidah Mashudi (2014). Kajian terdahulu lebih tertumpu kepada analisis teks wawancara dan temu bual yang diambil daripada akhbar atau majalah, peristiwa bahasa yang berlaku dalam forum televisyen serta pola sapaan pelajar di institusi pengajian tinggi. Secara rasionalnya, teks wawancara dan temu bual serta peristiwa bahasa forum televisyen yang dijadikan data kajian telah melalui proses penyuntingan bahasa dan pengolahan mengikut keperluan penerbitan. Oleh hal yang demikian, data-data yang dikutip tidak mencerminkan data yang autentik kerana diambil daripada sumber sekunder. Maka, dapatan kajian tersebut dapat dipertikaikan kebolehpercayaannya kerana menggunakan data-data sekunder.

Selain itu, peristiwa bahasa yang berlaku dalam sesi wawancara dan temu bual itu sendiri merupakan satu peristiwa bahasa yang terancang dan diketahui oleh sampel kajian terlebih dahulu. Malah, tokoh-tokoh yang diwawancara dan ditemu bual sama ada secara bersemuka atau tidak bersemuka dalam kajian-kajian terdahulu merupakan individu-individu dewasa yang mempunyai keterampilan bahasa tersendiri.

Berdasarkan kajian-kajian terdahulu, maka wujudnya ruang untuk kajian etnografi komunikasi dengan memberi fokus terhadap interaksi spontan dan terancang dalam perbualan remaja melalui kaedah lapangan. Hal ini sudah tentu dapat memenuhi prosedur kajian etnografi yang mementingkan peristiwa bahasa yang berlaku secara semula jadi. Berdasarkan hakikat ini, kajian interaksi lisan dalam perbualan remaja dapat memenuhi kehendak kajian etnografi komunikasi yang lebih berwibawa kerana dijalankan secara spontan dan terancang dalam sesi interaksi yang sebenar untuk mengenal pasti komponen-komponen interaksi dalam etnografi komunikasi di samping mengkaji keterampilan berbahasa dalam kalangan remaja.

Begitu juga dengan kajian keterampilan bertutur seperti kajian yang dijalankan oleh Tan Mek Leng (2003), Zarina Ahmad (2009) dan Marlyna Maros et. al. (2010). Kajian yang dijalankan dibataskan kepada jurujual dan pelanggan, bakal guru serta pelajar di institusi pengajian tinggi sebagai peserta kajian. Secara rasionalnya, orang dewasa seperti jurujual, pelanggan, bakal guru dan pelajar di institusi pengajian tinggi mempunyai keterampilan bahasa yang tersendiri kerana telah mengalami proses perkembangan bahasa serta menjalani kursus-kursus keguruan berbanding remaja sekolah menengah. Selain itu, data kajian tersebut ialah interaksi lisan dalam urusan jual beli serta aktiviti kebahasaan, iaitu bahas ala parlimen dan pidato.

Dalam hal ini, peristiwa bahasa yang berlaku antara jurujual dan pembeli melibatkan situasi tidak formal kerana bahasa yang digunakan merupakan bahasa biasa yang digunakan dalam kehidupan seharian. Seterusnya, bakal guru yang berinteraksi dalam aktiviti bahas ala parlimen dan pidato semestinya akan membuat persediaan terlebih dahulu. Secara tidak langsung, interaksi tersebut hanya menumpukan kepada interaksi yang bersifat terancang. Akhir sekali, kajian yang melibatkan pelajar di institusi pengajian tinggi sebagai data kajian bersifat tidak formal atau yang bersifat spontan dan hanya tertumpu kepada bentuk sapaan pelajar lelaki dan perempuan sahaja.

Berdasarkan ketiga-tiga kajian tersebut, subjek kajian, peserta kajian, iaitu jurujual dan pembeli, bakal guru dan pelajar di institusi pengajian tinggi mempunyai keterampilan dan kecekapan berbahasa yang lebih baik berbanding remaja sekolah. Oleh hal yang demikian, ruang yang wujud membolehkan pengkaji menjalankan satu kajian yang melibatkan interaksi lisan remaja untuk membincangkan strategi komunikasi, makna ujaran serta aspek yang menyerlahkan keterampilan berbahasa ketika remaja berinteraksi secara spontan dan terancang.

Oleh sebab kajian ini memberi tumpuan kepada interaksi remaja, maka remaja yang menuntut di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) dijadikan sebagai peserta kajian. Selain belum ada kajian yang menyeluruh tentang pelajar MRSM terutamanya dalam aspek bahasa dan komunikasi, pelajar MRSM dipilih sebagai peserta kajian kerana pelajar-pelajar MRSM ialah pelajar yang mempunyai ciri-ciri pintar cerdas yang mempamerkan interaksi tiga komponen bestari, iaitu berkebolehan tinggi dalam semua bidang, komited dan mempunyai daya kreativiti yang tinggi. Hal ini dibuktikan melalui Kurikulum Terbeza diperkenalkan dalam Sistem Pendidikan MRSM dengan menekankan beberapa kemahiran yang perlu dikuasai oleh para pelajar MRSM. Salah satu kemahiran yang perlu dikuasai oleh para pelajar MRSM ialah kemahiran komunikasi. Semua pelajar yang mengikuti program pendidikan MRSM perlu mengikuti Kursus Kemahiran Komunikasi selama satu semester melalui Kemahiran Asas Tingkatan Satu (KAT1). Kursus Kemahiran Komunikasi ini merangkumi tiga bahagian utama, iaitu Komunikasi Interpersonal, Komunikasi Asertif, dan Menghadapi Konflik.

Komunikasi Interpersonal mendidik pelajar dengan kemahiran-kemahiran asas perhubungan, membentuk kepercayaan dan cara-cara komunikasi yang berkesan. Komunikasi Asertif ialah komunikasi yang lebih spesifik, iaitu kemahiran komunikasi yang melatih pelajar cara berkomunikasi yang menjaga hak diri dan orang lain tanpa

merosakkan diri dan orang lain. Menghadapi Konflik pula membimbing pelajar mengamalkan strategi mengurus konflik dan tekanan dengan cara perundingan yang konstruktif. Isu yang ingin diketengahkan dalam kajian ini ialah sejauh mana para remaja MRSM dapat mempraktikkan kemahiran komunikasi yang telah dipelajari semasa di tingkatan 1 melalui program KAT1? Malah, sorotan kajian tentang keberkesanan program KAT1 terutama dalam aspek kemahiran komunikasi masih belum dilaksanakan oleh para pengkaji.

Selain itu, pengenalan program dwisijil dalam sistem pendidikan MRSM juga merupakan faktor pendorong kajian ini dilakukan. Program dwisijil dikenali sebagai SPMRSM-IGCSE, iaitu Sijil Pendidikan Maktab Rendah Sains MARA dan International General Certificate of Secondary Education yang mula dilaksanakan oleh MARA pada tahun 2010 di MRSM Tun Abdul Razak, Pekan, Pahang. Program ini merupakan satu usaha MARA untuk memberikan nilai tambah kepada sistem pendidikan sedia ada. Program ini bertujuan untuk memastikan para pelajar MRSM dapat meningkatkan keupayaan pengetahuan malangkaui apa yang dipelajari di peringkat SPM. Sehingga tahun 2017, sebanyak lima belas buah MRSM seluruh negara menawarkan program ini.

Dalam program dwisiji ini, para pelajar MRSM akan mempelajari dua jenis kurikulum, iaitu Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang merupakan kurikulum piawai untuk pendidikan di Malaysia serta kurikulum Cambridge Antarabangsa. Dalam hal ini, Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) ialah terjemahan daripada Falsafah Pendidikan Kebangsaan, iaitu suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Sementara itu, kurikulum antarabangsa Cambridge memfokuskan kepada pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar dan pendekatan berasaskan penyelidikan dalam pembelajaran seterusnya meningkatkan kemahiran pelajar dalam pemikiran kreatif, penyelidikan dan penyelesaian masalah. Kurikulum Cambridge IGCSE setanding dengan kurikulum antarabangsa yang lain dan relevan serta sensitif kepada keperluan dan budaya setempat.

Oleh hal yang demikian, pelajar MRSM yang mengikuti program dwisijil ini akan menjadi pelajar yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi serta akan menjadi sumber manusia dalam beberapa bidang diperingkat nasional mahupun antarabangsa. Dalam merealisasikan matlamat ini, pelbagai strategi diperkasakan sejak para pelajar ini berada di tingkatan satu melalui pembelajaran kemahiran dan pembelajaran eksperimental. Pembelajaran kemahiran ialah pembelajaran pelbagai kemahiran seperti kemahiran komunikasi, kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, serta kemahiran mencari maklumat. Pembelajaran eksperimental pula ialah pembelajaran aplikasi

daripada pembelajaran kemahiran dalam bentuk simulasi atau kehidupan seharian atau pengayaan kepada teori dan praktikal.

Oleh hal yang demikian, remaja yang mengikuti program dwisijil di MRSM Baling dipilih sebagai peserta kajian untuk melihat sejauh mana keberkesanan pembelajaran kemahiran dan pembelajaran eksperimental dapat diaplikasikan dalam kehidupan terutamanya kemahiran dalam berkomunikasi. Hal ini demikian kerana kemahiran komunikasi yang dipelajari oleh pelajar dapat membentuk keyakinan diri serta berkomunikasi dengan cara yang berkesan. Secara tidak langsung, program ini dapat meningkatkan nilai tambah pelajar khususnya para pelajar MARA di bawah institusi MRSM agar dapat menguasai kemahiran dalam berinteraksi. Selain itu, kajian tentang program dwisijil di MRSM belum lagi dikaji secara khusus oleh para pengkaji kerana program ini masih baru dilaksanakan. Tambahan pula, kajian program dwisijil satu kajian yang menarik untuk diteroka untuk melihat keberkesanan kemahiran yang telah dipelajari oleh para pelajar sejak dari tingkatan satu terutama kemahiran dalam berinteraksi.

Berdasarkan kajian-kajian terdahulu oleh para sarjana serta status quo yang berlaku dalam dunia pendidikan terutamanya dalam sistem pendidikan MRSM, maka wujudnya kekosongan yang mendorong kajian interaksi spontan dan terancang dalam kalangan remaja ini dilakukan. Pernyataan masalah digubal untuk mewujudkan persoalan kajian seperti yang berikut:

- i. Apakah komponen-komponen interaksi yang terdapat dalam interaksi spontan dan terancang remaja?
- ii. Apakah perbandingan yang terdapat interaksi spontan dan terancang remaja dari perspektif etnografi komunikasi?
- iii. Apakah aspek yang menyerlahkan keterampilan berbahasa remaja ketika berinteraksi secara spontan dan terancang?

Objektif Kajian

Objektif kajian adalah seperti yang berikut:

- i. Mengenal pasti komponen-komponen interaksi dalam interaksi spontan dan terancang remaja berdasarkan Kerangka Etnografi Komunikasi Saville-Troike (2003).
- ii. Membandingkan interaksi spontan dan terancang dalam perbualan remaja dari sudut Kerangka Etnografi Komunikasi Saville-Troike (2003).
- iii. Merumuskan aspek yang menyerlahkan keterampilan berbahasa dalam perbualan remaja ketika berinteraksi secara spontan dan terancang.

Kepentingan Kajian

Kajian tentang analisis pertuturan telah lama dilakukan di sebelah Barat khususnya di Eropah dan Amerika Syarikat. Namun, usaha ini jarang sekali dilakukan di Malaysia. Asmah Hj. Omar (1995) mengatakan bahawa setiap komuniti bahasa mempunyai

peraturan-peraturan perbualan (*rules of conversation*) yang meliputi peraturan-peraturan sosiolinguistik, panduan kesopanan, serta proses-proses pragmatik seperti proses penyertaan dalam giliran, kerjasama (*collaboration*), interpretasi, penyisian (*hedging*), menjaga air muka, mengelak konflik dan berbagai-bagai lagi. Bagi bahasa Melayu, tidak dapat dikatakan bahawa penyelidikan seperti ini hampir tidak ada penekanan diberikan.

Secara tidak langsung, kajian ini penting sebagai salah satu usaha mempelbagaikan bentuk kajian tentang bahasa Melayu. Dapatan kajian ini diharap dapat menjadi pemangkin kepada kajian selanjutnya, terutama dalam bidang analisis perbualan mengikut pendekatan dan perspektif yang lain pula. Oleh yang demikian, jelaslah bahawa kajian ini mempunyai kepentingan yang menyeluruh kepada masyarakat pengguna bahasa Melayu. Antara kepentingan tersebut ialah:

- i. Dapatan kajian tentang interaksi spontan dan terancang ini sedikit sebanyak dapat membantu meningkatkan pemahaman masyarakat Malaysia, khususnya remaja tentang kepentingan kecekapan dan keterampilan ketika berinteraksi.
- ii. Selain itu, dapatan kajian dapat menyedarkan remaja agar berhati-hati dan menghargai teman bertutur sesuai dengan peranan dan statusnya dalam suatu tempat dan norma adat yang digunakan oleh remaja, terutamanya untuk generasi muda yang belakangan ini kurang menghiraukan adat dan budaya sendiri. Sistem ini juga dapat digunakan sebagai panduan untuk bertegur sapa dan bersosialisasi dalam masyarakat pengguna bahasa Melayu.
- iii. Dapatan kajian akan dapat mengemukakan cadangan yang boleh dijadikan panduan kepada pihak perancang kurikulum untuk menyusun kurikulum Bahasa Melayu secara lebih sistematik, dengan mengambil kira elemen kecekapan dan keterampilan berbahasa, khususnya bertutur daripada peringkat sekolah rendah lagi. Manakala para pendidik pula akan dapat merangka dan melaksanakan strategi pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan dan menjadi contoh yang baik kepada para pelajarnya.
- iv. Dapatan kajian seterusnya akan dapat memberikan maklumat yang diperlukan oleh penyelidik lain untuk tujuan kajian lanjutan yang dapat dimanfaatkan bersama.

Skop dan Batasan Kajian

Pengkajian tentang sesuatu bahasa mencakupi ruang lingkup yang sangat luas meliputi segala aspek mengenai bahasa tersebut. Oleh itu, pembatasan skop kepada beberapa perkara perlu dilakukan agar kajian dapat dilaksanakan dengan berkesan. Kajian ini memberi fokus terhadap interaksi spontan dan terancang dalam perbualan remaja sebagai sampel kajian. Interaksi spontan dibataskan kepada interaksi yang berlaku dalam situasi tidak formal seperti perbualan harian yang bersifat santai antara remaja dengan remaja atau remaja dengan guru. Kebiasaannya, interaksi spontan berlaku di luar waktu pengajaran dan pembelajaran. Dalam hal ini, guru terlibat sama dalam interaksi spontan remaja. Hal ini demikian kerana pengkaji merupakan seorang guru di sekolah remaja yang terlibat belajar dan guru asrama di tempat tinggal pelajar. Secara tidak langsung, penglibatan guru, iaitu pengkaji sendiri dalam interaksi spontan remaja adalah relevan kerana pengkaji cukup dekat dengan orang atau situasi yang dikaji

sehingga memungkinkan pemahaman yang mendalam tentang interaksi yang sedang berlangsung (Sitorus, 1998).

Interaksi terancang pula dibataskan kepada interaksi yang berlaku dalam situasi formal seperti aktiviti-aktiviti yang bersifat kebahasaan. Kebiasaannya, interaksi spontan berlaku semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku di dalam kelas. Dalam kajian ini, interaksi terancang dibataskan kepada aktiviti forum kerana aktiviti kebahasaan ini menghendaki pendekatan yang lebih formal. Forum juga mewujudkan interaksi yang jelas kerana peristiwa bahasa berlaku dalam kelompok kecil. Akhir sekali, peserta interaksi mengemukakan pendapat secara konstruktif selain mendengar pendapat orang lain walaupun berbeza dengan pendapat sendiri (Syarif Bahri Djamarah, 2000). Oleh itu, pemilihan aktiviti forum sebagai data kajian interaksi terancang amat relevan kerana dapat menyerlahkan kemampuan berbahasa dalam interaksi remaja secara semula jadi dalam konteks yang ditentukan.

Dari segi penerapan teori pula, Kerangka Etnografi Komunikasi Saville-Troike (2003) digunakan untuk tujuan analisis. Perbincangan dalam kajian ini berbentuk kualitatif menggunakan pendekatan etnografi komunikasi.

Peserta kajian pula terdiri daripada remaja yang sedang menuntut dan tinggal di MRSM Baling, Kedah. Remaja di institusi ini dipilih kerana 99% daripada keseluruhan remaja yang tinggal dan menuntut di institusi ini merupakan penutur jati bahasa Melayu. Rasional pemilihan remaja yang sedang menuntut di MRSM Baling, Kedah adalah kerana remaja tersebut telah menjalani kursus kemahiran berkomunikasi semasa di tingkatan satu melalui program Kemahiran Asas Tingkatan Satu (KAT1). Selain itu, remaja yang dijadikan sebagai sampel kajian juga merupakan kumpulan pelajar yang mengikuti program dwisijil di MRSM Baling, Kedah. Walau bagaimanapun, hanya pelajar yang berusia 16 hingga 17 tahun dipilih sebagai sampel kajian kerana pelajar dari dua kumpulan umur ini merupakan dua kumpulan pertama dalam program dwisijil di MRSM Baling, Kedah.

Tempat kajian yang dipilih ialah MRSM Baling, Kedah yang merupakan institusi pendidikan menengah terbaharu di Kedah. Institusi ini siap dibina pada awal tahun 2010 dan memulakan operasi pada 21 Jun 2010. Institusi ini dipilih sebagai tempat kajian kerana institusi ini merupakan institusi awal yang menerima pelajar program dwisijil Sistem Pendidikan MRSM, iaitu pada tahun 2012. Oleh sebab peserta kajian terdiri daripada remaja, maka pemilihan MRSM Baling, Kedah amat sesuai dijadikan tempat kajian.

Definisi Operasional

Interaksi Spontan

Interaksi spontan ialah penggunaan bahasa dalam perbualan remaja secara serta merta atau tanpa dirancang. Dalam konteks kajian ini, interaksi spontan ialah penggunaan bahasa yang digunakan oleh remaja semasa berinteraksi sama ada dengan guru dan

rakan-rakan dalam situasi tidak formal dan lebih bersifat santai serta tidak terikat dengan peraturan-peraturan rasmi. Interaksi spontan berlaku dalam situasi tidak formal, iaitu berlaku di luar sesi pengajaran dan pembelajaran.

Interaksi Terancang

Interaksi terancang ialah penggunaan bahasa yang sudah dirancang sebelum sesi interaksi berlaku. Dalam konteks kajian ini, interaksi terancang ialah penggunaan bahasa dalam aktiviti kebahasaan, iaitu forum yang menuntut remaja saling berinteraksi dengan menggunakan pelbagai strategi untuk melahirkan idea dan menguji kecekapan berbahasa. Remaja merancang interaksinya berdasarkan sesuatu tajuk dan akan berinteraksi secara berforum semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung di dalam kelas.

Remaja

Remaja ialah individu yang berusia antara 13 hingga 19 tahun. Kebiasaannya remaja ialah individu yang bersekolah menengah. Dalam konteks kajian ini, remaja ialah individu yang berusia antara 16 hingga 17 tahun yang tinggal dan belajar di MRSM Baling, Kedah. Remaja yang terlibat sebagai subjek kajian ini juga mengikuti program dwisijil serta telah mengikuti dalam Sistem Pendidikan MRSM.

Kesimpulan

Berdasarkan pernyataan di atas dapatlah disimpulkan bahawa satu kajian yang memberi fokus kepada interaksi spontan dan terancang dalam perbualan remaja wajar dilaksanakan. Hal ini untuk meninjau keterampilan bahasa, kekangan interaksi, dan juga aspek kognisi yang melatari sesuatu proses interaksi. Interaksi spontan dan terancang sebagai satu proses komunikasi yang paling asas menjadi semakin penting dalam diri individu kerana kemahiran ini dapat menentukan kewibawaan dan menjadi kriteria untuk kerjaya dan seumpamanya (Ghazali Lateh, 2007).

BIBLIOGRAFI

- A. Aziz Deraman (2005). *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. (2002). *Kamus Peribahasa Kontemporari*. Kuala Lumpur: PTS Publications and Distributions Sdn. Bhd.
- Abdullah Hussain. (2003). *Kamus Simpulan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ab. Razak Ab. Karim. (2001). Kesopanan Berbahasa dalam Warkah Melayu Lama. *Jurnal Dewan Bahasa*. 44(12). 1306 -1316.
- Abdul Hamid Mahmood (2007). Kesantunan Bahasa dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Persatuan Linguistik*, Jilid 8: 1-19.
- Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad (2001). *Santun Komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Fuad Mat Hassan. (2014). *Ketidaksantunan Berbahasa dalam Kalangan Remaja*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Ahmad Kamil Mohamed (1992). *Kejayaan Berkomunikasi*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Ahmad Mahmood Musanif. (2009). Peristiwa Bahasa Temu Buak Akhbar sebagai Satu Genre Linguistik. Dalam Zaitul Azma Zainon Hamzah et. al. *Penelitian Bahasa dan Budaya Melayu: Teori dan Aplikasi*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Ahmad Samin Siregar (2000). Pemakaian Bahasa Melayu sebagai Gambaran Budaya dan Cara Berfikir Masyarakat Melayu Sumatera Timur. Dlm. Darwis Harahap dan Abdul Jalil Hj. Anuar. *Kumpulan Kertas Kerja Kolokium Bahasa Pemikiran dan Melayu/ Indonesia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amat Juhari Moain. (1985). *Sistem Panggilan dalam Bahasa Melayu: Suatu Analisis Sosiolinguistik*. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Amat Juhari Moain. (2001). Nilai Rasa Dalam bahasa Melayu. *Monograf Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu*. 6:11-18.
- Asmah Hj. Omar. (1995). *Wacana Temu Duga dan Wawancara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar (2000a). *Malay Perception of Time*. Kuala Lumpur: Penerbit Akademik Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

- Asmah Hj. Omar. (2000b). *Wacana, Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (2010). *Wacana Temuduga dan Wawancara (Edisi Kedua)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (1988). *Pengaruh Sintaksis Bahasa Dalam Bahasa Melayu Dengan Rujukan Khusus Terhadap Laras Bahasa Ilmiah*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Awang Sariyan. (1995). *Ceritera Bahasa*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2007). *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Birdwhistell, Ray L. (1952). *Introduction to Kinesics: An Annotation System for Analysis of Body Motion and Gesture*. Louisville, KY: University of Louisville Press.
- Braden, W.W. dan Bradenburg, E. (1955). *Oral Decision-Making: Principles of Discussion and Debate*. New York: Harper & Row Publishers.
- Brumfit, C. (1984). *Communication Methodology in Language Teaching: The Role of Fluency and Accuracy*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Biber, D. dan Conrad, S. (2009). *Register, Genre, and Style*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Chandler, D. (1997). *An Introduction to Genre Theory*.
https://www.researchgate.net/publication/242253420_An_Introduction_to_Genre_Theory (diakses pada 27 Februari 2017)
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education
- Crystal, D. (2008). *A Dictionary of Linguistics and Phonetics*. Sixth Edition. United Kingdom: Blackwell Publishing Ltd.
- Culpeper, J. (1996). Towards an Anatomy of Impoliteness. *Journal of Pragmatics*. Vol. 15, Issue 3, pages 349-367.
- Culpeper, J. (2005). Impoliteness and Entertainment in the Television Quiz Show: The Weakest Link. *Journal of Politeness Research Language, Behavior, Culture*. Vol. 1, Issue 1, pages 35-73.
- Ekman, Paul dan Wallace V. Friesen dan Silvan S. Tomkins (1971). Facial Affect Scoring Technique: A First Validity Study. *Semiotica*. 3: 37-58.
- Ervin-Tripp, Susan M. (1972). "On Sociolinguistic Rules: Alternation and Cooccurrence". Dlm. John J. Gumperz dan D. Hymes, ed. *Directions in*

- Sociolinguistic: The Ethnography of Communication*, hlm. 213-250. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Fasold, R. (1990). *The Sociolinguistics of Language*. United Kingdom: Basil Blackwell.
- Fraser, B. (1981). On Apologizing. In F. Coulmas. *Conversational Routine: 259-271*.
- Fraser, B. & Nolen, W. (1981). The Association Defense with Linguistic Form. *International Journal of The Sociology of Language 27: 93-109*.
- Garfinkel, H. (1986) *Ethnomethodological Studies of Work*. London: Routledge and Kegan Paul.
- Goffman, E. (1971). *Relations in Public: Microstudies of the Public Order*. New York: Harper & Row.
- Ghazali Lateh. (2007). *Interaksi Dalam Ujian Lisan Berasaskan Sekolah Dalam Kalangan Remaja*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Ghazali Lateh dan Shamsudin Othman. (2014). Tinjauan Interaksi Lisan Bahasa Melayu dalam Kalangan Remaja Malaysia dari Sudut Etnografi Komunikasi. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 1:30-40
- Gumperz, J.J. dan Hymes, J. (1986). *Directions in Sociolinguistics: The Ethnography of Communications*. New York: Basil Blackwell.
- Hall, E. T. (1963). A System for the Notation of Proxemic Behavior. *American Anthropologist 65: 1003-1026*.
- Hashim Musa. (2008). *Hati Budi Melayu*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Hanna, M.S. dan Gibson, J.W. (1992). *Public Speaking for Personal Success*. United States of America: Wm. C. Brown Publishers.
- Hartmann, R.R.K. dan Stork, F.C. (1973). *Dictionary of Language and Linguistics*. London: Applied Science Publisher Ltd.
- Hymes, D. (1972). *Directions in Sociolinguistics: The Ethnography of Communication*. New York: Holt Rinehart and Winston.
- Hymes, D. (1977). *The Ethnography of Speaking dalam Reading in the Sociology of Language*. Edited by Fishman, J. A., The Hague: Mouton Publisher.
- Hymes, D. (1977). *Foundation in Sociolinguistic: An Ethnography Approach*. London: Tavistock Publication Limited.
- Indirawati Zahid. (2010). Bahasa Halus: Paparan Kesantunan Melayu. *Dewan Bahasa*. Jilid 10 (2): 12-15.

- Kamaruddin Hj. Hussin dan Siti Hajar Abdul Aziz. (1997). *Pengajian Melayu 2: Ketrampilan Bahasa*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Labov, W. (1970). *Sociolinguistic Patterns*. Pennsylvania: University of Pennsylvania Press, Inc.
- Lakoff, R.T. (1973). *The Logic of Politeness*. New York: Harper and Row.
- Mahzan Arshad. (2008). *Pendidikan Literasi Bahasa Melayu: Strategi Perancangan dan Pelaksanaan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Marlyna Maros, Aslinda John, dan Mohd Bahrin Mydin. (2010). *Pola Sapaan Pelajar Lelaki dan Perempuan di Sebuah Institusi Pengajian Tinggi: Satu Kajian Sosiopragmatik* dalam GEMA online Journal of Language Studies. 10(2), 2010.
- Md. Sabri Che Man. (2004). *Wacana Wawancara Formal Bahasa Melayu: Satu Kajian Etnografi Komunikasi*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Media Sandra Kasih (2003). Analisis Kontrastif dan Keanekabahasaan. *Jurnal Dewan Bahasa*. 1: 36-40.
- Muhammed Salehudin Aman. (2006). Kerancauan Bahasa. *Jurnal Dewan Bahasa*. 9: 28-30.
- Mustafa Atan. (2010). *Implikatur Dalam Ujaran Watak Dalam Filem Seniman Agung P. Ramlee*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Nik Safiah Karim (1981). *Beberapa Persoalan Sosiolinguistik Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norazlina Mohd. Kiram. (2010). *Konsep Malu Orang Melayu Dalam Novel Saga; Satu Kajian Sosiolinguistik*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Bangsar.
- Noriati A. Rashid. (2005). *Kesantunan Orang Melayu dalam Majlis Pertunangan*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nor Hashimah Jalaluddin (2004). Masa dan Masyarakat Melayu: Peradaban Berterusan. *Jurnal Bahasa*, Jilid 4 (2): 257-277.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Harishon Radzi, Maslida Yusof, Raja Masittah Raja Ariffin dan Saadiah Ma'alip (2005). *Sistem Panggilan dalam Keluarga Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Osman Lebar (2009). *Penyelidikan Kualitatif, Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Perak: Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjung Malim.
- Paltridge, B. (2004). *Genre and the Language Learning Classroom*. An Arbor: University of Michigan Press.

- Philips, Susan U. (1976). Some Sources of Cultural Variability in the Regulation of Talk. *Language in Society*. 5 (1): 81-95.
- Radcliffe-Brown (1965). *Structure and Function in Primitive Society: Essay and Addresses*. New York: Free Press.
- Raja Masittah Raja Ariffin (2009). Hubungan Sintagmatik dan Paradigmatik. *Jurnal Dewan Bahasa*, Jilid 9 (8): 36-37.
- Ramli Md. Salleh, Sanat Md. Nasir dan Noor Ein Hj. Mohd. Noor. (1997). *Kamus Linguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rohaidah Mashudi. (2014). *Forum Televisyen dari Sudut Etnografi Komunikasi*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Rohaidah Mashudi, Hawa Rahmat, Siti Rasyidah Sanudin, Sarinah Sulaiman dan Ahmad Mahmood Musanif. (2017). *Peraturan Interaksi Peristiwa Komunikatif Wawancara dalam Akhbar* dalam GEMA online Journal of Language Studies. 17(3), 2017.
- Rohana Yusof. (2003). *Penyelidikan Sains Sosial*. Bentong : PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Sa'adiah Ma'alip. (2000). Kata Panggilan Kekeluargaan Masyarakat Portugis: Tinjauan di Perkampungan Portugis, Melaka. *Jurnal Dewan Bahasa*. Bilangan 1: 1077-1086.
- Sara Beden & Indirawati Zahid. (2016). *Pemetaan Struktur Peristiwa Bahasa: Komunikasi Bebas Konflik* dalam GEMA online Journal of Language Studies. 16(1), 2016.
- Saville-Troike, M. (1991). *Etnografi Komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saville-Troike, M. (2003). *The Ethnography of Communication: An Introduction (3rd edition)*. Oxford: Blackwell Publishing.
- Sitorus, MTF (1998). *Penelitian Kualitatif: Suatu Perkenalan*. Dokis: Bogor.
- Syaiful Bahri Djamarah. (2000). *Guru dan Anak Didik dalam Interaksi Edukatif*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Sulaiman Masri. (2005). *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Swales, J. M. (2008). *Genre Analysis: English in a Academic and Research Setting*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Ta'imah, Rusydi Ahmad. (2006). *Al-Maharah al-lughawiyah: Mustawiyatuha Tasrisuha Su'ubatuha*. Kaherah: Dar al-Fikr al-Arabi.

- Tan Mek Leng (2003). *Bahasa Jurujual Tionghua: Satu Kajian Pragmatik*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Teo Kok Seong. (2002). Pragmatik Bahasa dan Ketrampilan Berkomunikasi. *Jurnal Dewan Bahasa*. Bilangan 1: 7-14.
- Thomas, J. (1995). *Meaning in Interaction: An Introduction to Pragmatics*. London: Routledge and Kegan Pau.
- Yates, J. Dan Orlikowski, W. (2002). *Genre Systems: Structuring Interaction Through Communicative Norms*. *Journal of Business Communication*. 39: 13-35
- Za'ba. (1965). *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2000). *Penggunaan Bahasa Dalam Pertuturan Kanak-Kanak Melayu: Satu Analisis Pragmatik*. Tesis Master. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2004). *Interaksi Remaja: Hubungan Pemikiran, Bahasa, dan Wawasan dalam Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 14-16 Disember 2004.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2005). Melentur Buluh Biarlah Waktu Rebung *Jurnal Dewan Bahasa*. Bilangan 3: 10-14.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2006). *Memahami Pertuturan Kanak-Kanak Melalui Analisis Pragmatik*. Universiti Putra Malaysia: Serdang.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah, Ahmad Fuad Mat Hassan, dan Mohd Nur Hafizudin Md Adama (2011). Kesantunan Bahasa Dalam Kalangan Remaja Sekolah Menengah. *Jurnal Dewan Bahasa*. Jilid 11. Bil. 2: 321-338.
- Zamri Mahamod (2004). *Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar Melayu Sekolah Menengah*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Zarina Ahmad. (2009). *Keterampilan Bertutur Dalam Kalangan Pelajar Institut Pendidikan Guru di Selangor*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang.